

**PRINSIP SOSIAL DALAM PENGIMARAHAN INSTITUSI MASJID:
KAJIAN DI MASJID BERTARAF CEMERLANG**
(Social Principles in the Mobilisation of Mosque Institutions: A Case Study on
Excellent Mosques)

¹ MOHD RIDHUWAN REMLY
² MUHD NAJIB ABDUL KADIR
² FADLAN OTHMAN
¹ SITI AZIMAH SABARUDDIN

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

² Pusat Kajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Masjid pada zaman Rasulullah SAW telah membuktikan bahawa fungsi dan peranannya adalah menegakkan syiar Islam dan juga sebagai agen sosial dalam masyarakat. Melihat kepada keupayaan Rasulullah SAW menjadikan masjid sebagai agen sosial dalam masyarakat, maka peranan dan fungsi masjid di Malaysia pada hari ini perlu diperkasa secara optimum bagi membina kekuatan ummah Islam. Keaktifan institusi masjid bukan terletak pada bahu pihak pengurusan sahaja, malah semua lapisan masyarakat terutama agensi kerajaan, agensi swasta dan badan NGO perlu mengaktifkan diri dengan bersama-sama menjana seluruh keupayaan yang ada ke arah pengimarahkan institusi masjid. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengkaji prinsip-prinsip sosial yang perlu dimiliki oleh pihak pengurusan masjid di samping menjelaskan pendekatan yang perlu digunakan oleh institusi masjid dalam menjalinkan kerjasama dengan pihak lain ke arah pengimarahkan institusi masjid. Data temu bual dianalisis dengan perisian Atlas.ti versi 7 dengan pembinaan kod-kod dan tema yang dipilih. Makalah ini mendapati bahawa pengimarahkan sesebuah

Corresponding author: Mohd Ridhwan Remly, Fakulti Pengajian Islam, Uninersiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia/Institut Islam Hadhari, Uninersiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: ridhwanremly@yahoo.com

Diserahkan: 8 Mei 2019

Diterima: 5 Ogos 2019

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2020-1201-01>

masjid tidak bergantung sepenuhnya kepada individu yang menerajui kepimpinan institusi masjid, malah ianya juga perlu dibantu oleh pelbagai masyarakat untuk bersama-sama menjana perubahan ke arah merencanakan lagi pengimarahannya institusi masjid.

Kata kunci: Masjid; keaktifan masjid; kepimpinan; prinsip sosial; agen sosial

ABSTRACT

The mosque during Prophet Muhammad's time has proven its role not only in upholding and enforcing the Islamic identity but also functioning as a social agent in the society. Taking the Prophet's accomplishment as an exemplary model in making mosque a vital social agent, the role and function of the mosques in Malaysia must also be fully optimised in order to strengthen the Muslim community. The responsibility for mobilising the social function of mosques does not solely fall on the management of the mosques. Instead, all levels of society – especially government agencies, private agencies and NGOs – have to actively partake in utilising all existing capabilities in the effort towards mobilising the social role of mosque institutions. Therefore, this article aims to explain the social principles that the management of mosques must incorporate in its operation as well as demonstrate the approaches that must be adopted by mosque institutions in working hand in hand with other levels of society to mobilise their social role. The interview data was analysed using Atlas.ti 7 software with the constructions of the selected codes and themes. The study found that the mobilisation of the mosques' social roles does not entirely depend on the leadership of the individuals within the management of the mosques, but cooperation from various levels of society must also be involved in order to fully mobilise the mosque institution's role as a social agent within the society.

Keywords: Mosque; mosque activity; leadership; social principles; social entrepreneurs

PENGENALAN

Menurut Muhammad Fuad (1988) perkataan masjid diulang sebanyak 28 kali dalam al-Quran. Kata nama masjid diambil daripada kata sajada-sujud yang bererti patuh, taat, serta tunduk dengan penuh hormat dan takzim. Menurut Kamus al-Munjid (1986), maksud masjid dari segi bahasa ialah tempat sujud. Sebagaimana firman Allah:

رَفَعَ أَبْوَابِهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا

Maksudnya:

Dan setelah itu, mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf.

(Surah Yusuf 12: 100)

Sejarah membuktikan fungsi masjid memainkan peranan yang cukup luas dalam membina kesempurnaan dan keindahan Islam sebagai al-Deen (cara hidup) melalui fungsi komprehensif yang dijana oleh institusi masjid. Sejarah Islam yang menggambarkan begitu tingginya nilai peranan institusi masjid yang dicituskan pada zaman kegemilangan Islam. Walaupun keadaan dan suasana masyarakat pada zaman Rasulullah SAW berbeza dengan kehidupan masyarakat pada hari ini, namun masyarakat Islam di Malaysia mempunyai matlamat yang sama terutama dalam hal keagamaan.

Pengimarahannya institusi masjid, memerlukan keterlibatan masyarakat sekeliling untuk saling membantu dengan pelbagai keupayaan yang dimiliki. Hal ini diamalkan oleh Rasulullah SAW yang menjadikan institusi masjid sebagai sebuah institusi sosial atau sebuah institusi kemasyarakatan bagi masyarakat setempat. Prinsip sosial yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW harus dijadikan panduan dan ianya memerlukan pengubahsuaian yang sewajarnya selaras dengan perkembangan masyarakat di negara ini (Ismail 1987).

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), sosial bermaksud segala perkara berkaitan masyarakat, perihal masyarakat atau kemasyarakatan. Segala proses kemasyarakatan tidak akan terjadi melainkan melalui pergaulan dan juga kebergantungan seseorang dengan seseorang yang lain.

Prinsip sosial melibatkan hubungan dan jalinan kemasyarakatan yang perlu diwujudkan oleh pihak pengurusan masjid dengan masyarakat terutama kepada ahli kariah. Dalam kehidupan perabadian umat Islam yang berilmu dan berakhlak mulia. Rasulullah SAW berjaya menggambarkan seharian, setiap individu memerlukan individu lain sama ada untuk urusan peribadi atau urusan bersama. Ini dinamakan sebagai hubungan sosial. Hubungan sosial sering dikaitkan dengan adanya suatu interaksi sosial. Hubungan sosial dalam kehidupan terjadi sama ada melalui hubungan kerja, hubungan institusi, hubungan aktiviti kemasyarakatan, kebajikan dan aktiviti sosial. Begitu juga dalam pengurusan institusi masjid, pihak pengurusan perlu menjaga hubungan yang baik di antara masyarakat sekeliling. Ini adalah institusi masjid merupakan tempat tumpuan masyarakat Islam. Boleh dikatakan hampir setiap hari masyarakat Islam berurusan dengan institusi masjid.

Oleh itu, proses pengimarahannya memerlukan keterlibatan dan kebergantungan kepada masyarakat sekeliling ke arah mencetuskan fenomena baharu dalam mengimarahkan institusi masjid. Kajian yang dijalankan oleh Norhayati et al. (2008) iaitu *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid* adalah bertepatan jika dilihat dari sudut prinsip sosial. Menurut beliau, institusi masjid merupakan lambang perpaduan dan keutuhan Islam dalam menyatu padukan umatnya. Selaras dengan fungsinya yang pelbagai, institusi masjid muncul sebagai pusat tumpuan dalam menguruskan kehidupan masyarakat Islam setempat.

Tambahnya lagi terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan sesebuah masjid antaranya ialah kerjasama dan komitmen dari semua pihak khususnya pihak pentadbiran mahupun masyarakat setempat. Kurang kerjasama dengan pelbagai agensi luar menyebabkan kebekuan aktiviti masjid dalam memasyarakatkan institusi masjid. Bertindak sebagai agen masyarakat, institusi masjid seharusnya menjalinkan kerjasama dengan agensi sama ada agensi kerajaan, swasta mahupun NGO untuk menganjurkan program bersama bagi kepentingan umat Islam.

Nor Raudhah Haji Siren (2006) dalam kajian yang bertajuk *Strategi Mengurus Masjid*, memberi kupasan bahawa keupayaan pengimarahannya institusi masjid bergantung kepada pihak pengurusan masjid dan juga kerjasama dengan masyarakat sekeliling. Bagi pihak pengurusan, perubahan cara berfikir, mengurus, mentadbir dan mendidik boleh membantu kepada peningkatan kefahaman dan pengimarahannya terhadap institusi masjid. Manakala bagi masyarakat, ianya dapat disumbangkan melalui kerjasama yang dijalankan ke arah memberi kefahaman, pendidikan dan juga sumbangan kepada masyarakat.

Menurut Mohammad et al. (2009) dalam artikelnya yang bertajuk *Rahsia Pengimarahannya Masjid Menerusi al-Quran dan Sunah*, beliau menghuraikan aspek keperibadian pihak pengurusan masjid adalah rahsia penting dalam menguruskan institusi masjid. Ini adalah kerana ianya melibatkan hubungan hamba dengan Allah SWT. Antara rahsia pengimarahannya masjid yang digariskan melalui al-Quran ialah masjid mestilah dipimpin oleh hamba yang terbaik, paling soleh dan takwa, bijaksana dengan petunjuk Ilahi.

Menurut beliau lagi selain daripada sifat-sifat pekerja yang cemerlang, prinsip doa membuka pintu hati masyarakat untuk datang ke masjid, bertindak sebagai perisai umat Islam dan penghubung seorang hamba kepada penciptanya. Ini adalah rahsia besar Nabi Ibrahim a.s yang telah menyebabkan manusia di seluruh dunia terpenggil untuk ke Mekah di mana terletaklah Masjidil Haram dan Kaabah sehingga ke hari.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Kajian kes bermaksud pengkaji mengkaji secara mendalam sesuatu kes yang khusus. Menurut Stake (2000) kajian kes bukan merupakan pilihan terhadap metodologi tetapi pilihan terhadap apa yang hendak dikaji. Kajian kes kualitatif biasanya dijalankan kerana penyelidik berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes, bukan untuk menguji sesuatu hipotesis (Othman Lebar 2005).

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur kerana ianya sangat bersifat fleksibel dan membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat dengan lebih jelas daripada responden. Menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan kaedah ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Data temu bual yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti 7.0.

Kajian dijalankan di dua buah masjid cemerlang yang telah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Pemilihan ini dinilai menggunakan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berdasarkan empat kriteria iaitu pengurusan, pengimarahannya, kemudahan prasarana dan persekitaran. Dalam kajian ini, kedua-dua masjid tersebut dinamakan sebagai M01 merujuk kepada masjid pertama dan M02 merujuk kepada masjid kedua.

Dalam kajian ini, peserta kajian yang dipilih untuk pengumpulan data terdiri daripada pegawai JAKIM yang berperanan besar terhadap isu-isu berkaitan pengurusan institusi masjid, Pengerusi atau Nazir Masjid, Biro Pengimarahannya dan Biro Ekonomi. Sepatutnya seramai tujuh orang peserta yang menyertai kajian ini, tetapi salah seorang peserta kajian di masjid M02 telah memegang dua jawatan iaitu pengerusi masjid yang juga merangkap biro pengimarahannya. Maka dengan ini seramai enam orang telah dipilih menjadi peserta kajian ini. Peserta kajian adalah pakar kepada perkara yang dikaji oleh penyelidik kerana mereka adalah terlibat secara langsung dalam proses menggerakkan pengimarahannya institusi masjid.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hubungan yang baik antara pihak pengurusan masjid dengan masyarakat merupakan faktor utama ke arah merencanakan pengimarahannya institusi masjid. Hubungan yang baik ini bukan melibatkan ahli kariah sahaja, malah pihak pengurusan masjid perlu

memperkasakan hubungan yang baik dengan pelbagai agensi yang ada sama ada agensi kerajaan melalui pihak sekolah, pihak polis, pihak Universiti dan lain-lain agensi dalam merencanakan lagi pengimarahannya institusi masjid. Berikut merupakan dapatan kajian yang dirumuskan oleh penyelidik dalam usahasama yang dijalankan oleh pihak pengurusan masjid ke arah pengimarahannya institusi masjid.

Prinsip Sosial

Ke arah mengimarahkannya institusi masjid, pihak pengurusan masjid perlu berinteraksi dan bermuamalah dengan penuh hikmah kepada setiap individu yang hadir ke rumah Allah sama ada untuk melaksanakan ibadah mahupun urusan-urusan lain. Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan, penyelidik telah mendapati bahawa, beberapa ciri-ciri penting yang perlu diwujudkan oleh institusi masjid ke arah mengimarahkannya institusi masjid melalui prinsip sosial. Antaranya:

1. Kerjasama dengan Surau-surau

Salah satu faktor penting yang sering kali terlepas pandang oleh pihak pengurusan masjid ke arah mengimarahkannya institusi masjid ialah dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak pengurusan surau-surau yang wujud dalam mukim mereka. Menjalinkan kerjasama dengan surau-surau ini bukan sahaja memudahkan aktiviti pengimarahannya institusi masjid, ianya mampu memudahkan kerja-kerja penyebaran maklumat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti masjid.

Perkara ini dinyatakan oleh Pengawai JAKIM bahagian pengimarahannya. Beliau menyarankan kepada pihak institusi masjid supaya menjalinkan kerjasama dengan surau-surau di daerah masing-masing supaya segala maklumat berkaitan dengan institusi masjid dapat disampaikan dengan cepat kepada pihak pengurusan surau.

Contoh Data Temu bual Kerjasama dengan Surau-surau

Code: Kerjasama dengan Surau-surau {2-0}

P1: TEMUBUAL PEGAWAI JAKIM.docx - 1:4 [salah satu cara untuk menjadikannya..] (24:24) (Super)

Codes: [Kerjasama Dengan Surau-surau - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Salah satu cara untuk menjadikan program masjid sentiasa ramai adalah pihak pengurusan masjid perlu jalinkan kerjasama dengan surau-surau di kawasan mukim sendiri. Jika ada program di masjid, pihak masjid hanya bagitahu kepada imam-imam surau, sampaikan maklumat kepada kepada jemaah surau, ini memudahkan kerja, maklumat sampai...

Data temu bual yang diperolehi oleh penyelidik mendapati saranan yang dibuat oleh pegawai JAKIM tersebut telah diaplikasi oleh pihak pengurusan masjid. Hal ini dinyatakan oleh P06. Beliau menyatakan bahawa dengan kerjasama yang terjalin antara pihak pengurusan masjid dan pihak surau di mukim tersebut mampu memberi kesan positif kepada pelaksanaan pengimarahannya institusi masjid.

P6: BIRO EKONOMI.docx - 6:11 [Sebab itu kita buat netwo..] (23:23) (Super)

Codes: [Kerjasama dengan Surau-surau - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Sebab itu kita buat networking dengan surau-surau sekitar kita. Apa sahaja maklumat aktiviti dan program yang kita anjurkan perlu dimaklumkan kepada surau-surau di sekitar. Kerja akan lebih mudah, sebab kita maklum sahaja kepada imam surau supaya menghantar peserta, contohnya kalau kita ada lima buah surau, setiap surau kita dapat kumpul sepuluh orang, jadi kita dah dapat lima puluh orang peserta...

2. Kerjasama dengan Sekolah

Pihak pengurusan masjid perlu mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak terutama agensi yang melibatkan kanak-kanak dan remaja dalam usaha untuk mengimarahkannya institusi masjid. Tujuan mengadakan kerjasama ini ialah bagi mendekatkan institusi masjid dengan agensi dan institusi tersebut. Hal ini dinyatakan oleh P05 yang begitu komited terhadap program-program keremajaan. Bagi beliau institusi masjid sebenarnya lebih meriah jika sering dikunjungi oleh para remaja. Dalam hal ini, pihak pengurusan masjid mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak sekolah yang berada dalam mukim masjid terutama sekolah yang dekat dengan masjid. Sasarannya ialah terhadap pelajar yang bermasalah.

Apa yang menarik bagi penyelidik ialah kepercayaan yang diberikan oleh pihak sekolah terhadap institusi masjid sehingga ada sekolah meminta bantuan daripada pihak pengurusan masjid untuk sama-sama mendidik para remaja yang bermasalah. Menurut P05 ini adalah satu perkara yang cukup menarik dan institusi masjid sentiasa bersikap terbuka dan membantu setakat yang mampu. Seperti pihak institusi masjid mengadakan program motivasi, kem-kem ibadah dan apa jua program yang berbentuk keagamaan.

Contoh 2b: Data Temu bual Kerjasama dengan Sekolah

Code: Kerjasama dengan Sekolah {1-0}

P5: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 5:4 [yang terkini kita diminta..]

(36:36) (Super)

Codes: [Kerjasama dengan Sekolah - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

yang terkini kita diminta oleh guru besar sekitar sekolah terdekat untuk bantu masalah remaja. Pihak sekolah minta bantuan untuk kita sama-sama bantu, kita sendiri di masjid ini tidak mampu hendak bantu keseluruhan, tetapi kita letak sasaran-sasaran untuk mengurangi masalah yang berlaku. Kita bantu sekadar yang mampu dengan melaksanakan program khusus untuk mereka seperti program motivasi, kem-kem ibadah, program berbentuk keagamaan, tujuannya nak bagi kesedaran kepada mereka.

3. Kerjasama dengan NGO

Selain daripada mengadakan kerjasama dengan pihak sekolah, pihak pengurusan masjid meluaskan perannya dengan mengadakan kerjasama dengan badan-badan kerajaan dan juga badan NGO. Masjid yang bertaraf cemerlang sentiasa mencari inisiatif ke arah mendekatkan institusi masjid dengan masyarakat. Pihak pengurusan masjid bersedia mengadakan kerjasama dengan mana-mana pihak demi kebaikan bersama ke arah masyarakat institusi masjid.

Menurut P06 pihak pengurusan masjid mengadakan kerjasama dengan pihak polis dalam membanteras jenayah-jenayah yang melibatkan anak-anak kariah. Pihak pengurusan masjid bersedia memberi khidmat kaunseling kepada mereka. Menurut P06 banyak kesan positif apabila pihak pengurusan masjid mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak berwajib ini.

Menurut beliau walaupun pihak masjid tidak mampu untuk melaksanakan dan menyelesaikan keseluruhan masalah, tetapi sekurang-kurangnya ada inisiatif dan sumbangan yang boleh diberikan oleh pihak institusi masjid. Ini menunjukkan bahawa institusi masjid sentiasa bersama masyarakat dalam apa jua keadaan.

Contoh Data Temu bual Kerjasama dengan NGO

Code: Kerjasama dengan NGO {1-0}

P6: BIRO EKONOMI.docx - 6:4 [Kita eratkan kerjasama dengan..]

(69:69) (Super)

Codes: [Kerjasama dengan NGO - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Kita eratkan kerjasama dengan pihak-pihak kerajaan dan NGO, kita buat program secara bersama, program secara usahasama dengan NGO, Persatuan Belia Masjid dan sebagainya dimana kos akan dikongsi secara bersama. Begitu juga kerjasama dengan pihak polis dalam membentaras kes-kes jenayah. Sebagai orang masjid, kita bantu melalui nasihat, kaunseling bagi kes-kes yang melibatkan remaja.

4. Kerjasama dengan Ibu Bapa

Ke arah mendekati remaja dengan institusi masjid, pihak pengurusan masjid menjalinkan hubungan yang baik dengan ibu bapa. Ini adalah kerana terdapat juga pihak pengurusan masjid yang bersifat dingin dengan kanak-kanak dan remaja di masjid. Mereka mengenakan peraturan yang tidak munasabah kepada kanak-kanak yang hadir ke masjid. Terdapat juga segelintir AJK masjid yang memarahi kanak-kanak malah turut bermasam muka dengan ibu-bapa kanak-kanak terbabit.

Ada juga sebahagian ibu bapa yang tidak pernah mengajak anak-anak mereka untuk datang ke masjid. Menurut P04, walaupun institusi masjid berusaha mendekati kanak-kanak dan remaja dengan institusi masjid dengan mengadakan pelbagai program keremajaan, namun tanpa sokongan dan dokongan daripada ibu-bapa ianya tidak menjadi kenyataan. Oleh sebab itu, peranan ibu bapa sangat penting dalam mendidik dan mengajak anak-anak dalam usahasama ke arah pengimarahannya institusi masjid.

Contoh Data Temu bual Peranan Ibu Bapa

Code: Kerjasama dengan Ibu bapa {1-0}

**P4: BIRO EKONOMI.docx - 4:4 [Kerjasama AJK masjid dengan..]
(30:30) (Super)**

Codes: [Kerjasama dengan Ibu-bapa - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Kerjasama AJK masjid dan ibu bapa dengan menjalinkan hubungan yang baik mampu memberi kesan positif kepada institusi masjid. Kesedaran masyarakat kepada pentingnya institusi masjid ini tidak boleh diserahkan kepada pihak masjid sahaja, peranan ibu bapa juga mampu mendorong minat golongan ini untuk hadir ke masjid. Pihak pengurusan masjid hanya mampu merancang dan melaksanakan program sahaja, selebihnya bergantung kepada peranan ibu bapa. Sebab itu pihak masjid perlu buat kerjasama dengan ibu bapa ke arah menarik minat remaja untuk hadir ke masjid.

5. Pendekatan Dakwah

Dalam konteks pengimaran institusi masjid, sudah tentu pegawai-pegawai masjid yang dilantik merupakan sebahagian daripada pendakwah yang menjadi penggerak dalam masyarakat dalam menyebarkan agama Islam. Hal ini dinyatakan oleh P01 yang merupakan pegawai JAKIM yang menyatakan bahawa peranan JAKIM ialah melantik pegawai-pegawai takmir di masjid-masjid sebagai agen dakwah dalam masyarakat.

Contoh Data Temu bual Pendekatan Dakwah

Code: Pendekatan Dakwah {3-0}

**P1: TEMUBUAL PEGAWAI JAKIM.docx - 1:3 [pegawai takmîr yang dilan..]
(12:12) (Super)**

Codes: [Pendekatan Dakwah - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Pengawai takmir yang dilantik ini merupakan salah satu ejen dakwah dalam masyarakat. Tugas mereka ialah menyampaikan dakwah kepada masyarakat mendekati diri mereka dengan masjid.

Menurut P02 pula, pihak institusi masjid yang dilantik perlu memainkan peranan penting dalam masyarakat. Bertindak sebagai agen dakwah, mereka perlu melayani dan menyantuni sama ada kanak-kanak, para remaja dan orang dewasa yang datang ke masjid dengan cara yang sopan. Jika ada kesalahan yang dilakukan perlu ditangani dengan cara yang berhikmah dan matang.

**P2: PENERUSI MASJID.docx - 2:7 [dalam menarik orang muda ni per..]
(35:35) (Super)**

Codes: [Pendekatan Dakwah - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

dalam menarik orang muda ini, pertama sekali perlu menggunakan pendekatan dakwah yang berkesan dan mengajak mereka dengan cara yang baik dan lemah lembut. Sesiapa sahaja yang datang ke masjid perlu dilayani dengan cara yang adil dan berhikmah.

6. Role Model

Menurut P03, AJK masjid merupakan *role model* kepada masyarakat sekeliling. Setiap gerak-geri, tutur- kata, cara komunikasi perlu berlandaskan akal yang matang dan setiasa berlapang dalam dalam setiap tindakan.

Contoh Data Temu bual Role Model

Code: Role Model {4-0}

**P3: BIRO PENGIMARAHAN.docx - 3:2 [Mereka yang dilantik mengangot..]
(64:64) (Super)**

Codes: [Role Model - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Mereka yang dilantik menganggotai AJK masjid ini dengan sendiri menjadi role model dan pendakwah dalam masyarakat terutama kepada anak-anak kariah dan para jemaah.

Bagi P04, beliau menyatakan bahawa, tingkah laku yang ditonjolkan oleh pihak pengurusan masjid sudah pasti mempengaruhi ahli kariah kerana mereka merupakan role model yang sentiasa diikuti dan diteladani oleh masyarakat sekeliling.

**P4: BIRO EKONOMI.docx - 4:1 [Ini kerana sifat dan tingkah l..]
(66:66) (Super)**

Codes:[Nilai Akhlak - Family: KEFAHAMAN] [Role Model - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Ini kerana sifat dan tingkah laku yang baik mempengaruhi masyarakat. Ini kerana mereka merupakan role model dalam mayarakat.

7. Mesra

Sebagaimana yang diketahui bahawa masjid adalah sebuah institusi yang mampu menyatupadukan semua ahli masyarakat tanpa mengira warna kulit dan fahaman politik. Apabila seseorang melangkah masuk ke dalam masjid bererti seseorang telah melangkah dalam kawasan yang penuh kerahmatan, ketenangan, ketulusan, kesyuman agama dan juga kemesraan. Menyedari hakikat ini, pihak pengurusan masjid perlu melakukan pendekatan yang mesra kepada semua pelanggan yang hadir ke masjid.

Pendekatan mesra yang dilakukan oleh institusi masjid M01 dan M02 mampu menarik semua golongan masyarakat sama ada kanak-kanak, remaja dan sesiapa sahaja yang singgah di masjid ini. Raut wajah yang menceriakan mampu memberi ketenangan kepada setiap pengunjung. Ini jelas apa yang dikemukakan oleh pegawai JAKIM melalui data temu bual yang diperolehi oleh penyelidik:

Contoh 2c: Data Temu bual Pendekatan Mesra

Code: Mesra {3-0}

P 1: TEMUBUAL PEGAWAI JAKIM.docx - 1:1 [mereka yang dilantik sebagai..] (41:41) (Super)

Codes: [Mesra - Family: PRINSIP SOSIAL]

No memos

Mereka yang dilantik sebagai AJK masjid perlu bersikap mesra dengan ahli jemaah dan masyarakat setempat. Terutama pengerusi masjid perlu bersikap mesra dengan semua AJK dan ahli jemaah masjid. Dengan sikap yang mesra ini mampu menarik minat para jemaah terutama para remaja untuk hadir ke masjid.

Menurut beliau lagi, selain daripada bermuamalah dengan cara yang baik dengan ahli jemaah, pihak pengurusan masjid juga perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Hubungan yang baik antara pihak pengurusan masjid dan juga pihak JAIN mampu memberi kesan yang baik kepada kesepakatan dan kesepaduan dalam pengimarahannya institusi masjid.

JADUAL 1 Aktiviti Pengimarahannya Usahasama Melalui Prinsip Sosial Istitusi Masjid M01 dan M02

Aktiviti Usahasama Prinsip Sosial	Tindakan
Penganjuran Karnival Masjid	Program tahunan ini bermula seawal jam 8:00 pagi hingga 10:00 malam. Antara agensi yang terlibat ialah BOMBA, AADK, dan PUSAT ZAKAT telah mengambil bahagian. Karnival anjuran Masjid bersama, MAIK dan UITM ini telah merangka pelbagai program untuk dipertontonkan kepada orang ramai, antaranya bengkel seminar HIV / AIDS, pameran, pemeriksaan kesihatan, forum perdana, pertunjukan seni silat gayong, pertandingan nasyid (peringkat dewasa/ kanak-kanak), sukaneka (dewasa/ kanak-kanak) dan cabutan bertuah.

bersambung ...

... sambungan

Program Tadarus & Tadabbur Belia	Program tahunan ini diadakan sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan di samping memupuk semangat dalam kalangan belia untuk mengimarahkan dan memakmurkan masjid-masjid. Melalui program ini, para belia didedahkan tentang kepentingan untuk melaksanakan ibadah tadarus dan tadabbur al-Quran.
Majlis Berbuka puasa <i>Iftar Jamaie</i>	Program tahunan sepanjang bulan Ramadhan ini mengerat silaturahmi dalam kalangan masyarakat setempat. Selain menu yang disediakan oleh pihak masjid, para jemaah juga bekerjasama dengan membawa makanan sendiri dan dikongsi bersama- sama Jemaah lain.
Program Imarah Masjid	Program tahunan yang melibatkan semua peringkat dalam masyarakat tanpa mengira umur. Program ini melibatkan agensi-agensi seperti hospital, AADK, UITM dan pihak MDM. Tujuan program ini dianjurkan adalah menarik minat masyarakat untuk hadir ke masjid.
Tuisyen Bahasa Inggeris	Terbuka kepada pelajar yang menduduki peperiksaan seperti UPSR, PT3 dan SPM. Tuisyen ini dianjurkan bersama MAIK, JPN, YIK, dan tenaga pengajar daripada pelajar UiTM dan UMK cawangan Kelantan. Pelajar yang menyertai tuisyen ini adalah dalam kalangan anak-anak asnaf secara percuma.
Dialog Komuniti	Dialog ini diadakan di antara pihak pengurusan masjid dengan masyarakat setempat. Selain itu juga dialog ini mengumpulkan ketua-ketua agama lain, ahli politik dari parti berbeza di rumah Allah ini atas dasar toleransi dan perdamaian. Tujuannya ialah untuk menyuburkan budaya toleransi serta budaya perdamaian dalam masyarakat.

bersambung ...

... sambungan

Majlis Kerjasama Dengan Polis	Kerjasama ini diadakan bagi membanteras jenayah. Pihak masjid bertindak sebagai kauselor dan memberi nasihat terutama melibatkan jenayah dalam kalangan remaja.
Kayuhan Masjid	Program kayuhan basikal ini terbuka kepada semua kaum dan dianjurkan dengan kerjasama dan pimpinan MAPP, AJK Surau An Nur Puchong Intan, Associated Cyclosporitif Trekkers (“ACT”) dan Yayasan Al Tarbiah
Karnival Masjid & Raudhah dihatiku tv9	Sasaran ahli kariah dan masyarakat setempat. Pelbagai program diatitkan atas tujuan memasyarakatkan institusi masjid. Program ini diadakan dengan kerjasama dengan tv9.

Sumber: File Masjid M01 dan M02

Hasil daripada data analisis dokumen yang diperolehi. Penyelidik mendapati pihak pengurusan masjid M01 dan M02 begitu komited untuk memasyarakatkan institusi masjid melalui program dan aktiviti secara bersama ke arah pengimarahkan institusi masjid. Jadual 1 merupakan program dan aktiviti yang dilakukan secara kerjasama pihak institusi masjid dengan pelbagai agensi yang ada ke arah pengimarahkan institusi masjid.

KESIMPULAN

Pengimarahkan institusi masjid memerlukan kepada kerjasama yang erat antara pihak pengurusan institusi masjid dan juga masyarakat setempat. Kerjasama yang erat ini mampu mempelbagaikan aktiviti dan program secara usaha sama di antara kedua-dua belah pihak yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat setempat. Sebagai sebuah institusi agama yang unggul, maka perkara yang melibatkan hal ehwal kemasyarakatan dan kebajikan perlu menjadi fokus utama institusi masjid. Sikap kepekaan pihak pengurusan insituti masjid terhadap masalah yang melibatkan ahli kariah ini mampu memberi kesan positif kepada institusi masjid. Masyarakat melihat institusi masjid merupakan agen khidmat sosial yang terbaik jika ianya berperanan dengan sebaiknya.

Kemakmuran dan kecemerlangan institusi masjid adalah tanggungjawab setiap umat Islam. Pihak pengurusan masjid perlu mencari jalan untuk menjadikan semua masjid sebagai institusi ulung yang berkesan dari segi peranannya sebagai pusat pembelajaran dan pembangunan sosial. Ia hanya boleh dilakukan dengan adanya sokongan penuh masyarakat khususnya masyarakat Islam dan juga keupayaan pengurusan membangun kepimpinan yang berwibawa melalui sistem pentadbiran

yang bersih dan amanah. Dengan landasan demikian, institusi masjid diharap terus bertambah makmur dan institusi ini mampu untuk menjadikan masyarakat Islam cemerlang, dihormati dan dihargai.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan UKM (PP-2019-011) yang berkaitan *Pemikiran Haji Muhammad Said Omar dalam Tafsir Nurul Ihsan*.

RUJUKAN

al-Quran.

Ismail I. 1987. Pendekatan Islam ke Arah Penyelesaian Masyarakat Majmuk. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional anjuran Universiti Utara Malaysia, Jitra.

Kamus Dewan (Edisi Ketiga). 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Munjid. *Al-Munjid al-Abjady*. 1986. Beirut: Dar Damsyik.

Mohamad Fuad Abd al-Baqiyy. 1988. *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*, al-Qahirah: Dar al-Hadith.

Mohammad Azrien Mohamad Adnan, Syed Abdurahman Syed Hussin, Shukeri Mohamad. 2009. *Rahsia Pengimarahannya Masjid Menerusi al-Quran dan Sunah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Merriem, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Application in Education. Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Norhayati, Ali Khan, Mohd. Nor Azli Saleh & Zulrushdi Salleh. 2008. Pengurusan Masjid: Satu tinjauan ke atas masjid cemerlang. dalam: *Pengurusan Berkualiti Memancu Kecemerlangannya Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.

Nor Raudhah Haji Siren. 2006. *Strategi Mengurus Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Othman Lebar. 2005. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Stake, R. C. 2000. The countenance of educational evaluation. *Teacher Collage Record* 68(5).